

'Permudahkan urusan mengundi rakyat Malaysia'

Brussels: Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata beliau meminta Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) meneliti cadangan bagi membolehkan rakyat Malaysia di luar negara dapat mengundi sama seperti mereka yang di tanah air.

Perdana Menteri berkata, SPR adalah badan bebas, tetapi beliau sudah membangkitkan mengenai isu undi pos untuk rakyat Malaysia di luar negara dengan agensi berkenaan.

"SPR sebuah badan bebas, namun saya telah membangkitkan perkara ini kepada mereka. Mereka perlu memberi peluang kepada setiap rakyat Malaysia untuk mengundi (seperti biasa)," katanya pada majlis Minum Petang dan Ramah Mesra bersama kira-kira 200 diaspora Malaysia, di sini, semalam.

Beliau berkata, rakyat Malaysia di luar negara perlu mempunyai hak yang sama untuk mengundi, sama seperti mereka yang berada di tanah air.

"Malah, saya beritahu (SPR) ja-



Anwar bersama Diaspora Malaysia di Belgium dan Luxembourg, pada Majlis Minum Petang dan Ramah Mesra di Brussels, semalam. (Foto BERNAMA)

ngan melakukannya menerusi kedutaan (untuk proses pengundian). Gunakan beberapa mekanisme supaya orang ramai boleh datang dan mengundi, walaupun ini bermakna ia akan menyebabkan pertambahan dana," katanya sambil menambah SPR sudah menerima cadangannya itu.

Anwar yang tiba di sini pada Ahad untuk lawatan kerja dua

hari ke Belgium berkata demikian ketika ditanya mengenai kesukaran dihadapi rakyat Malaysia di luar negara, setiap kali pilihan raya di Malaysia.

Ketika ditanya mengenai adakah kerajaan Malaysia memberikan keutamaan terhadap teknologi hijau dan penanaman semula hutan, Anwar berkata, perkara itu adalah antara agenda utama

pentadbiran sekarang.

"Eropah sudah memusnahkan semua hutan, jangan beritahu kami supaya belajar daripada mereka. Hutan kita kini berada pada 54 peratus (keluasan) sekarang, malah kawasan hijau kita bertambah, tahun lalu kita tanam sejuta pokok sebagai sebahagian kempen penanaman semula hutan kita," katanya.

Beliau berkata, Malaysia dan rakan kongsi ASEAN memberi tumpuan kepada grid ASEAN yang bukan sahaja menjana kuasa hidro, tetapi juga daripada tenaga solar dan tenaga boleh diperbaharui lain.

"Kita ada 140,000 pelajar asing di universiti kita. Saya melawat banyak negara membangun dan pemimpin mereka mahu menghantar pelajar dan pegawai mereka untuk belajar daripada kita, dalam bidang seperti semi konduktor," kata beliau.

Perdana Menteri berkata, bagi mempertingkatkan taraf pendidikan di Malaysia, kerajaan bekerjasama dengan industri dan ini bermakna disiplin dan teknologi baharu perlu diperoleh.

Antara yang hadir pada majlis itu ialah, Duta Malaysia ke Belgium, Luxembourg dan Kesatuan Eropah, Datuk Mohd Khalid Abbasi Abdul Razak serta Presiden Persatuan Malaysia di Belgium, Sarala Shambulingam.

BERNAMA